

01/07/1997

Aseania majukan projek RM600j di Turki

Norliza Ahmad

DUA projek hartanah terbesar di Turki membabitkan pelaburan bernilai RM600 juta akan dibangunkan Aseania International Ltd (Aseania International), sebuah syarikat yang diperbadankan di Labuan dan berkaitan dengan Aseania Development Sdn Bhd.

Projek berkenaan turut membabitkan usaha sama dengan sebuah syarikat hartanah ternama di Turki, Yuksel Insaat AS bagi membangunkan Metrocity di Istanbul dan Pusat Perniagaan Sogutozu di Ankara.

Pengerusi Aseania International, Musa Sheikh Fadzir, berkata pembangunan projek itu adalah hasil daripada keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggalakkan pembabitan syarikat Malaysia ke pasaran antarabangsa demi mewujudkan ikatan sosioekonomi yang kukuh di antara negara Islam.

"Kami akan terus merealisasikan hasrat itu bagi menjadikannya projek terbaik di negara ini," katanya pada majlis pecah tanah di Istanbul yang disaksikan Dr Mahathir dan Presiden Turki, Suleyman Demirel 15 Jun lalu.

Metrocity, projek bersepadu yang mengandungi kediaman, bangunan komersil dan pusat beli belah bernilai RM500 juta adalah yang pertama dibangunkan Kumpulan Aseania di luar negara.

Projek itu yang terletak di pusat perdagangan utama di Istanbul turut dilengkapi dengan kemudahan Laluan Transit Aliran Ringan (LRT) yang menghubungkan semua daerah di bandar itu.

Ia akan dibangunkan dalam bentuk tiga menara dengan dua daripadanya menempatkan bagi kediaman seluas 46,388 meter persegi dan 16,422 meter persegi bangunan pejabat serta 52,092 meter persegi untuk pusat beli-belah di tingkat empat.

Sementara itu, projek Pusat Perniagaan Sogutozu pula akan membabitkan keluasan 22,919 meter persegi terletak di ibu negara Turki, Ankara serta berhadapan dengan Yukselis College di Timur Ankara.

Projek itu yang bernilai RM100 juta dijangka dibangunkan pada suku pertama tahun depan dan diramal siap untuk tempoh 36 bulan akan datang.

Kedudukannya di kawasan perdagangan strategik, jualan lot pejabatnya dijangka menyumbang RM162 juta kepada kumpulan itu, manakala perolehan bagi lot yang disewa pula diunjur bernilai RM37.5 juta.

Pusat Perniagaan Sogutozu juga akan mengandungi kompleks pejabat gred A membabitkan enam blok pejabat dan kemudahan rekreasi dalam bangunan yang diasingkan.

(END)